



MENTERI KEWANGAN MALAYSIA

PRAKATA

Saya kemukakan di Dewan yang mulia ini naskhah Anggaran Perbelanjaan Persekutuan 2025 yang mengandungi Anggaran Perbelanjaan Mengurus dan Pembangunan. Naskhah ini mengandungi maklumat bagi semua Kementerian dan Jabatan untuk membiayai perbelanjaan program, aktiviti dan projek pembangunan pada tahun 2025.

Belanjawan MADANI 2025 ini merupakan kesinambungan ikhtiar berterusan Kerajaan untuk mengangkat semula darjat dan martabat Malaysia. Perangkaan Belanjawan ini menjunjung tiga teras utama Kerangka Ekonomi MADANI, yakni **Menaikkan Siling, Menaikkan Lantai** serta **Tatakelola Baik dan Reformasi Sektor Awam**. Hatta, Belanjawan 2025 akan terus menyokong pelaksanaan dasar dan pelan induk utama yang diluncurkan sebelum ini seperti Pelan Induk Perindustrian Baharu 2030 (NIMP 2030), Pelan Hala Tuju Peralihan Tenaga Negara (NETR), Pelan Strategik Semikonduktor Kebangsaan (NSS) dan Sistem Saraan Perkhidmatan Awam (SSPA).

Belanjawan 2025 juga adalah belanjawan terakhir dalam pelaksanaan Rancangan Malaysia Ke-12 (RMK12) (2021-2025). Dalam hal ini, Belanjawan 2025 merupakan naskhah utama dalam memastikan agenda pembangunan negara yang direncana di bawah RMK12 tercapai di samping menjadi asas kepada permulaan penyediaan Rancangan Malaysia Ke-13 (RMK13)(2026-2030). Belanjawan 2025 turut merangkumi dua aspek penting pengantarabangsaan kepada negara iaitu peranan Malaysia sebagai Pengerusi ASEAN 2025 serta persediaan untuk Tahun Melawat Malaysia 2026.

Bagi memastikan proses penyediaan Belanjawan 2025 bersifat menyeluruh dan terangkum seperti Belanjawan-belanjawan sebelum ini, Kementerian Kewangan telah mengadakan sebanyak 130 sesi libat urus termasuk jelajah ke negeri-negeri untuk menghimpunkan cadangan inisiatif serta pandangan mewakili Kementerian, Kerajaan Negeri, Syarikat Berkaitan Kerajaan, pemain industri, persatuan, dewan perniagaan, pakar ekonomi, ilmuan, agamawan, teknorat, pertubuhan bukan kerajaan (NGO), pertubuhan antarabangsa dan orang awam. Selain itu, Kementerian Kewangan juga telah mengadakan sesi dialog bagi membincangkan isu-isu utama yang berkait dengan kemakmuran ekonomi serta kesejahteraan rakyat, seperti penyasar semula subsidi dan kos sara hidup. Bagi memastikan ketulusan dan keterbukaan Kerajaan dalam penyediaan belanjawan, Portal Cadangan Belanjawan 2025 juga telah disediakan sebagai saluran untuk mendapatkan pandangan serta input daripada segenap lapisan masyarakat.

Kerajaan nekad dan akan terus berusaha untuk melonjakkan ekonomi negara ke tahap 30 ekonomi terbesar dunia, mengangkat darjat hidup rakyat ke tahap yang lebih sejahtera serta melaksanakan agenda-agenda reformasi demi kepentingan rakyat dan negara. Maklumat yang terkandung dalam naskhah Anggaran Perbelanjaan Persekutuan 2025 ini telahpun menggariskan hala tuju jelas untuk Kementerian dan agensi melaksanakan program, aktiviti dan projek pada tahun 2025. Justeru, saya yakin dengan kepercayaan dan kerjasama semua pihak, iltizam dan perancangan Kerajaan melalui Belanjawan 2025 ini akan dapat dicapai, insya-Allah.



ANWAR IBRAHIM

18 Oktober 2024